

Kerjaya Prospek terima kontrak RM338.796 juta

KUALA LUMPUR 27 Julai - Nusmestro Property Sdn. Bhd. menganugerahkan kontrak pembinaan utama pembangunan bercampur, Arte Mont Kiara kepada Kerjaya Prospek Group Berhad bernilai RM338.796 juta.

Pengarah Eksekutif Nusmestro Group, Thomas Chan berkata, kerja-kerja pembinaan projek itu akan mengambil masa 38 bulan dari tarikh permulaan pada September depan hingga dijangka siap sepenuhnya menjelang Oktober 2019.

Menurut beliau, daripada keseluruhan 1,700 unit yang bakal disediakan, sebanyak 300 unit diperuntukkan kepada kakitangan, manakala 1,200 lagi telah ditempah pelanggan menjadikan 85 peratus daripada pembangunan itu habis dijual.

Katanya, momentum jualan yang baik itu dibantu oleh reka bentuk bangunan yang inovatif serta lokasi strategik dengan 99 peratus adalah pembeli tempatan.

“Kami menganugerahkan kon-

trak pembinaan bercampur ini kepada Kerjaya Prospek kerana kemampuan dan kepakaran mereka dalam pembinaan projek bertingkat premium.

“Arte Mont Kiara adalah usaha sama projek pembangunan bercampur antara Nusmestro dan Naza TTDI Sdn. Bhd. dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM1.2 bilion” katanya pada majlis penyerahan dan perjanjian kontrak pembinaan tersebut di sini hari ini.